

24/12/2003

Opcom giat cari peluang niaga baru

OPCOM Holdings Bhd (Opcom), pengeluar kabel gentian optik, sedang giat mencari peluang perniagaan baru bagi mengembangkan operasi serta menerokai pasaran jalur lebar di dalam dan luar negara.

Pengerusi dan Pengarah Urusan Opcom, Datuk Mukhriz Mahathir, berkata usaha mewujudkan lebih banyak usaha sama dengan syarikat tempatan dan luar negara sedang giat dijalankan.

"Secara khususnya kami mencari syarikat yang menawarkan perkhidmatan penyelesaian jalur lebar.

"Selain itu, kami juga sedang mencari peluang untuk mengambil alih mana-mana syarikat sejajar dengan matlamat syarikat mengembangkan operasinya.

"Antara pasaran yang dikenal pasti ialah Asia Barat dan Afrika," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas majlis penyenaraian saham syarikat itu di BSKL, semalam.

Hadir sama pada majlis itu Pengarah Eksekutif Opcom, Kwang-Hua Chhoa dan ahli lembaga pengarahnya.

Beliau tidak menolak kemungkinan Opcom memasuki pasaran China pada masa depan.

Ketika ini produk Opcom dieksport ke Afrika, Filipina, Brunei dan Sweden.

Syarikat itu sebelum ini menubuhkan Opcom Cables Sdn Bhd (Opcom Cables), sebuah syarikat usaha sama dengan Ericsson Network Technologies AB dari Sweden yang menawarkan bantuan teknikal dalam penghasilan gentian optik.

Mukhriz berkata, bagi pasaran tempatan pula, Telekom Malaysia Bhd (Telekom) adalah penyumbang terbesar kepada perolehan Opcom dan yakin syarikat itu akan terus kekal menjadi penyumbang utama tahun depan.

Beliau berkata, Opcom sedang mengadakan rundingan dengan syarikat telekomunikasi terbesar negara itu bagi mendapatkan mandat baru pembekalan gentian optik.

"Pembekalan sebelum ini adalah pada asas tahunan dan adalah penting bagi syarikat memperbaharui kontrak.

"Kontrak baru itu membabitkan jumlah pembekalan gentian optik lebih tinggi berbanding kontrak sebelum ini," katanya.

Bagi tempoh enam bulan tahun kewangan semasa berakhir 30 September lalu, Opcom mencatatkan perolehan kira-kira RM37.6 juta.

Sementara itu, dalam dagangan sulungnya di BSKL semalam, saham Opcom mencatatkan premium awal 87.5 peratus.

Saham syarikat itu dibuka pada harga RM1.50, iaitu 70 sen lebih tinggi berbanding harga tawarannya, 80 sen sesaham.

Harga tertinggi yang dicatatkannya semalam ialah RM1.53 sesaham dan terendah RM1.31 sebelum ditutup pada RM1.31 dengan menyaksikan sejumlah 41,357 lot saham bertukar tangan.